

Hannah Fong suka berinteraksi dan bertemu dengan orang ramai. Malah ketika kecil, apabila cikgu bertanya apakah cita-citanya, jawapan Hannah sudah pastilah jururawat, kerjaya yang diimpikan.

Sebab itu, setelah tamat pengajian peringkat sekolah menengah, Hannah telah memilih kerjaya sebagai jururawat. Siapa sangka kerjaya pilihannya ini bukan sahaja mendekatkan Hannah dengan masyarakat tetapi ia turut membantunya cemerlang dalam pekerjaannya.

Wanita berusia 45 tahun ini berpengalaman luas dalam bidang kejururawatan. Kerjaya dalam bidang kejururawatan juga telah membawanya berkhidmat ke serata hospital swasta di Kuala Lumpur dan Singapura. Jawatan yang dipegangnya ketika di hospital-hospital tersebut juga tidak kurang hebatnya.

Bermula sebagai seorang jururawat biasa, kerjayanya telah berkembang, antaranya pernah menjadi Pengajar Jururawat, Jururawat Perbidanan dan Pengurus Jururawat. Di hospital tempatnya berkhidmat kini, iaitu Columbia Asia Puchong, Hannah berjawatan *Chief of Nursing* atau Ketua Kejururawatan.

Tanggungjawabnya amat berat namun Hannah tidak pernah merasakan itu satu beban. Dia seronok dengan tugas yang diamanahkan kepadanya itu.

"Tugas saya kini merangkumi segala-galanya berkaitan perkhidmatan dan penjagaan yang diberikan oleh jururawat kepada pesakit yang mendapat rawatan di hospital ini.

"Walaupun saya tidak lagi dapat melakukan tugas sebagai jururawat kerana dengan jawatan yang diberikan ini, saya tidak ada lagi masa untuk mengurus dan merawat pesakit. Namun

Demi Mahu Melakukan *Perubahan* HANNAH PILIH JADI JURURAWAT



begitu saya masih boleh melawat dan melihat pesakit yang ada di hospital ini.

"Saya berpuas hati dengan jawatan yang saya pegang sekarang kerana saya boleh melakukan perubahan. Kuasa untuk mengubah itu amat besar. Saya boleh melakukan perubahan bagi memastikan pesakit dapat dirawat dengan baik. Paling penting, saya boleh menambah baik sesetengah hal berkaitan penjagaan pesakit oleh jururawat." Ujarnya.

Dengan jawatan yang dipegang itu juga telah membolehkan Hannah untuk mengetui pasukan di bawah seliaanya.

"Kebolehan untuk mengetui adalah amat bermakna dan memberi kepuasan dalam diri saya terutamanya apabila semua orang dalam arah yang sama dengan saya dalam memastikan penjagaan pesakit dapat dilakukan dengan baik." Tambahnya lagi.

Berpegang Pada Janji

Untuk menjadi seorang jururawat yang cemerlang, seseorang itu perlu berpegang pada janji. Ini adalah pesan Hannah kepada semua jururawat di mana sahaja mereka berada.

"Kalau janji hendak buat, kena buat. Tak kira apa pun. Kadangkala apabila kita mahu melakukan sesuatu tetapi menjangkaui kebolehan diri, kita perlu cari jalan melakukannya. Cuba

dekatkan diri dengan orang yang ada pengalaman untuk belajar mencari jalan penyelesaian.

"Dalam bidang kejururawatan, ia memerlukan kerjasama berpasukan yang mantap. Ini kerana di hospital bukan hanya jururawat sahaja yang ada, malah pelbagai bidang kerja ada di hospital. Oleh itu jururawat perlu berkerjasama dengan semua pihak." Jelas Hannah.

Pesannya lagi, kalau seseorang itu tidak ada sikap suka kepada orang ramai, janganlah pilih kerjaya sebagai jururawat.

"Jururawat perlu ada sikap suka membantu orang lain dan perlu banyak berkorban demi mahu membantu pesakit yang memerlukan. Sekali lagi saya ingatkan, salah satu perkara penting mengenai kerjaya jururawat ini adalah diri perlu bersedia untuk berkhidmat kepada orang ramai." Tegasnya.

Tambah Hannah lagi, sikap sabar juga perlu ada dalam diri seorang jururawat kerana setiap hari mereka akan berjumpa dengan pelbagai perangai dan kerentak orang sakit. Tanpa kesabaran sudah pasti akan menyukarkan lagi kerja jururawat itu setiap hari.

Sasaran Hannah dalam kerjayanya adalah untuk membina pasukan yang mampu melakukan kerja sebaik mungkin.



Pengalaman dan ilmu dalam bidang kejururawatan sentiasa dijadikan panduan ketika berkhidmat.

"Saya berpuas hati dengan jawatan yang saya pegang ini kerana saya boleh melakukan perubahan. Kuasa untuk mengubah itu amat besar. Saya boleh melakukan perubahan bagi memastikan pesakit dapat dirawat dengan baik..."

"Peranan saya sudah lain kerana saya berada di barisan kepimpinan. Saya tidak boleh kerja 24 jam seminggu. Oleh itu saya perlu membentuk satu pasukan pertengahan yang kuat untuk membantu saya menguruskan perkhidmatan kejururawatan di sini." Ulasnya.

Walau sibuk dengan kerja dan tanggungjawab di hospital, Hannah tidak pernah lupa untuk menjaga dirinya sendiri.

"Rehat dan tidur adalah cara saya menghilangkan stres. Saya cuba mengamalkan gaya hidup seimbang dalam hidup bagi memastikan diri saya sentiasa sihat dan bertenaga untuk melakukan kerja yang saya suka ini." Akhiri Hannah. **MW**



Hannah sentiasa memastikan setiap jururawat di bawah seliaannya melakukan kerja dengan baik.